



TEKS UCAPAN

**YB TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN KE-97 PVATM**

20 OKTOBER 2023 | GRAND BARAKAH HOTEL, AMPANG

***BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,
ALHAMDULILLAHIR RABBIL ALAMIN, WASSALATUWASSALAM WA'ALA SAYIDINA
MUHAMMAD, WAALA-ALIH WASAHBIHI AJMAIN***

SALUTASI

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang dihormati sekalian,

ملاسلما مكيداء آمحرو الله اءتاكربو **Salam Sejahtera dan Salam Madani**

1. Alhamdulillah, segala puji milik Allah Subhanahu Wataala. Selawat dan Kesejahteraan ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam. Demikian jua ke atas ahli keluarga dan sahabat baginda.
2. Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Persatuan Veteran ATM (PV ATM) kerana sudi mengundang saya ke **Majlis Perasmian Perhimpunan Agung Tahunan Persatuan Veteran ATM**. Kehadiran saya pada malam ini juga merupakan satu peluang untuk saya bertemu dengan pahlawan-pahlawan tanah air yang mana sifat patriotik, taat setia dan kecintaan terhadap negara tidak pernah luntur ditelan zaman.
3. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Presiden PVATM, Kapt Datuk Sharuddin Bin Hj Omar, merangkap Naib Presiden *Veterans Confederation of Asean Countries* serta Majlis Tertinggi PVATM yang sudi menjemput saya.
4. Perhimpunan Agung PVATM ini diadakan selaras dengan peraturan perlembagaan persatuan, selain memenuhi objektif untuk membincangkan pelbagai isu melibatkan hal ehwal ahli dan veteran ATM amnya. PVATM telah pun mencapai usia 101 tahun pada 20 Mei 2023 yang lalu. Kelangsungan usia persatuan ini jelas membuktikan fungsinya yang masih relevan sebagai jaringan perhubungan utama veteran dengan Kerajaan, perkhidmatan ATM, NGO-NGO, agensi swasta, masyarakat termasuk peringkat antarabangsa.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Kita telah pun menyambut 66 tahun kemerdekaan negara pada Ogos yang lalu. Sebagai negara yang berdaulat, bermaruah dan berwawasan jauh, kita tidak harus mudah berpuashati dan alpa dengan apa yang dikecapi, sebaliknya kita perlu sentiasa berwaspada serta mampu memelihara kemakmuran, keselamatan dan kestabilan negara dari pelbagai potensi ancaman berbentuk subversif, espionaj dan sabotaj oleh pihak tertentu.
6. Oleh itu, marilah kita bersama memperkukuh semangat waja, jati diri dan patriotisme, seterusnya bersedia menghadapi apa jua cabaran dan ancaman yang mendatang. Veteran yang dianggap sebagai benteng kedua pertahanan negara akan terus kekal sebagai satu aset yang mempunyai peranan penting dalam merencana pembangunan ekonomi, sosial dan pertahanan negara.
7. Saya difahamkan bahawa PVATM adalah sebuah NGO yang tertua dan mempunyai ahli yang teramai sekali di negara ini. Sejak tertubuhnya *Ex Service Association of Malaya* pada 20 Mei 1922 oleh bekas-bekas tentera British, sehingga kini PVATM terus memainkan peranan penting dalam pengurusan veteran di Malaysia. PVATM telah mempunyai struktur yang lengkap dan tersusun dengan 246 cawangan di seluruh negara, menjadikan jumlah terkini ahli berdaftar ialah seramai 176,000 orang.
8. Saya yakin berdasarkan struktur yang mampan dan jumlah ahli PVATM yang ramai, maka kebajikan veteran ATM yang terdiri dari pelbagai lapisan etnik, kaum dan agama daripada Semenanjung mahupun wilayah Sabah dan Sarawak akan lebih terbela.

9. Dianggarkan lebih kurang 88,000 orang veteran ATM di luar sana yang masih belum berdaftar dengan pihak JHEV. Justeru, bagi memastikan semua bantuan dapat disalurkan kepada veteran dan tanggungannya, saya yakin disinilah PVATM memainkan peranan penting untuk terus berusaha menggalakkan veteran mendaftarkan diri dengan pihak JHEV.
10. Kerajaan memerlukan pangkalan data veteran yang lengkap bagi merancang dan menyalurkan bantuan secara bersasar dan menyeluruh. Sebagai menyokong hasrat tersebut, JHEV telah melancarkan sistem ***Veteran Intergrated Benefit System*** atau **VIBES 2.0**, bertujuan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan JHEV kepada veteran. Usaha ini adalah selaras dengan Pelan Strategik Pedigitalan MINDEF 2021 – 2025: Memperkukuhkan Perkhidmatan *end-to-end* (E2E) sistem ICT.

Hadirin sekalian,

11. Setiap tahun, secara puratanya 5,000 orang anggota ATM akan menamatkan perkhidmatan. Sebagai persediaan ke fasa veteran, JHEV dan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Anggota Tentera (PERHEBAT) merupakan dua agensi yang penting dalam menggalas tanggungjawab menjaga hal ehwal veteran.
12. Bermula dengan fasa latihan peralihan anggota, dan seterusnya pemantauan kerjaya kedua selama 5 tahun oleh PERHEBAT, perjalanan ini tidak berakhir setakat itu sahaja. Pemantauan ini diteruskan mencakupi hal ehwal kebajikan dan telah dipertanggungjawabkan kepada JHEV. Saya dapati sistem ini cukup unik dan komprehensif dalam memelihara kebajikan pahlawan-pahlawan yang telah berjuang untuk negara khususnya yang berada di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) agar sentiasa terpelihara. Syabas saya ucapkan kepada PERHEBAT dan JHEV.

13. Pada **tahun 2023**, Kementerian telah menyalurkan pelbagai bentuk bantuan, antaranya:

KEBAJIKAN DAN KESIHATAN

- i. **Bantuan Sara Hidup (BSH)** sebanyak RM300 sebulan kepada 18,786 veteran berpencen dan tidak berpencen yang berada dalam kategori di bawah Paras Garis Kemiskinan (RM1,169.00), melibatkan peruntukan sebanyak RM67.6 juta.

Kementerian turut peka bahawa pemberian BSH kepada veteran tidak berpencen dengan mengaplikasikan syarat PGK telah menimbulkan kegusaran di kalangan bakal penerima. Sehubungan dengan itu, Kementerian kini sedang berunding dengan Kementerian Kewangan supaya syarat tersebut dikecualikan agar hasrat Kerajaan untuk membantu golongan sasaran tercapai.

- ii. **Sumbangan Khairat** sebanyak RM3,000 bagi Veteran ATM dan RM1,500 untuk pasangan serta anak kepada waris yang layak melibatkan peruntukan sebanyak RM15.5 juta.
- iii. **Kemudahan Perubatan** merangkumi bantuan peralatan perubatan, bayaran rawatan serta ubat-ubatan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM103 juta.

PERUMAHAN

- iv. Terdapat **3 inisiatif** telah dilaksanakan iaitu, program bina rumah baharu dengan sasaran 40 buah rumah setahun dan program baik pulih rumah dengan sasaran sebanyak 170 buah setahun melibatkan peruntukan

sebanyak **RM5.75 juta**. Projek SASAR pula menetapkan kuota sebanyak 15% untuk Veteran ATM bagi Projek Wardieburn dan Genting Klang serta di Sungai Besi.

PENDIDIKAN

- v. Peruntukan bantuan kepada anak-anak Veteran di peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah secara tahunan sebanyak RM557,200 dan;
- vi. bantuan kemasukan ke IPTA dan IPTS terpilih sama ada di peringkat Diploma sebanyak RM1,000 atau Ijazah Sarjana Muda sebanyak RM1,500 melibatkan perbelanjaan sebanyak RM4.7 juta pada tahun ini.

MEMPERKASA EKONOMI VETERAN

- vii. **Pembiayaan Persatuan** melibatkan peruntukan berjumlah RM500,500 kepada 122 Persatuan Veteran ATM induk sebagai bantuan dana tambahan untuk melaksanakan aktiviti kebajikan seperti lawatan veteran yang uzur, sakit, daif dan kematian.
- viii. **Program *Upskilling* dan *Reskilling*** bertujuan meningkatkan kemahiran Veteran ATM dengan peruntukan berjumlah RM5 juta pada tahun ini melibatkan bidang kursus iaitu:
 - Asas Pengendalian dron
 - Servis kenderaan elektrik dan hybrid
 - Kejuruteraan Automasi
 - Rangkaian Komputer
 - Aquatic Safety Operation
 - Keselamatan Siber

- ix. **PUVET ATM** (Program Pemerksaan Usahawan Veteran ATM) yang dilaksana menerusi PERHEBAT, memfokuskan kepada pemerksaan veteran dalam kerjaya kedua dan keusahawanan. Inisiatif ini sejajar dengan Strategi Peningkatan Taraf Sosioekonomi Veteran ATM bagi membantu veteran dalam **kelompok B40** untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Hasil kerjasama dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), seramai **37 orang** usahawan Veteran ATM telah menerima inisiatif kewangan ini melibatkan **peruntukkan kewangan sebanyak RM185,000.00**.
- x. **INISIATIF BAKUL RAHMAH** yang telah disampaikan menerusi **Program Peduli Veteran (PPV)** kepada golongan Veteran yang kurang berkemampuan. Sebanyak **3750 Bakul Rahmah** telah diedarkan melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM187,500.00.
14. Tidak dilupakan, sempena pembentangan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023, Kerajaan telah bersetuju supaya Veteran ATM diberikan **Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM1000** yang melibatkan peruntukan tambahan RM213.68 juta.

Sidang hadirin yang saya muliakan

15. Kita kini berada di penghujung tahun 2023, namun Kementerian melalui JHEV dan PERHEBAT akan terus berusaha mempertingkatkan usaha untuk memperbaiki kualiti hidup serta kebajikan veteran ATM. Dalam hal ini, izinkan saya berkongsi beberapa inisiatif yang sedang dalam tindakan oleh Kementerian Pertahanan dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan, antaranya adalah:

- i. penambahbaikan **dasar Faedah Hilang Upaya ATM** yang akan turut melibatkan Veteran ATM yang tercedera semasa tugas aktif (*wounded in action*) melibatkan 633 orang yang sedang menerima bayaran Insurgensi Khas;
- ii. penambahbaikan **penstrukturan Persatuan Veteran ATM**;
- iii. penambahbaikan **pengurusan tuntutan perbelanjaan perubatan** oleh veteran berpencen untuk dipusatkan di JHEV;
- iv. penambahbaikan inisiatif kerjaya kedua veteran, Kerajaan telah bersetuju supaya Kementerian dan agensi-agensi, badan-badan berkanun serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) **menawarkan peluang pekerjaan kepada Veteran ATM**, bersesuaian dengan pengalaman dan kemahiran mereka;
- v. penambahbaikan dasar **kebajikan dan pembangunan sosioekonomi anggota veteran**, setiap program Kerajaan akan mempunyai **kuota khusus** untuk veteran seperti program keusahawanan, latihan, pekerjaan dan kemudahan pembiayaan;
- vi. usaha **memperkasa usahawan veteran melalui kerjasama dengan Kementerian Ekonomi** untuk padanan fasiliti kepada 165 orang usahawan yang layak melalui program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) khususnya di bawah program INTAN (usahawan tani); dan
- vii. bagi menyokong kepada keperluan untuk mengadakan dana usahawan veteran, Kementerian akan meneruskan kerjasama dengan pihak **Agro Bank** dan **Affin Bank Berhad** untuk menyediakan **Skim Pembiayaan Mikro berdasarkan konsep Islam** dengan kadar faedah yang lebih menguntungkan kepada usahawan Veteran ATM.

Hadirin yang saya hormati sekalian

16. Menjalani kehidupan sebagai veteran tentera dalam situasi ekonomi yang tidak menentu, sudah tentu ada dalam kalangan veteran yang dikurniakan keberuntungan rezeki oleh Allah SWT, namun tidak dinafikan terdapat juga veteran tentera yang masih bergelut dengan kesukaran kehidupan.
17. Perwira-perwira ini perlu kita angkat martabat mereka dan dibantu supaya beban kewangan yang digalas dapat dikurangkan. Ke hadapan ini, dan sejajar dengan Dasar Ekonomi Madani, Kementerian Pertahanan tekad untuk terus memberi penekanan kepada **5 aspek** iaitu kebajikan, kesihatan, perumahan, pendidikan dan pemerksaan (*empowerment*).
18. Kementerian akan pastikan warga veteran ATM dijaga kebajikannya, dipastikan peluang pekerjaan melalui program padanan pekerjaan dan dibekalkan dengan kemudahan latihan bagi meningkatkan kebolehpasaran serta membolehkan veteran mengekalkan daya saing di pasaran pekerjaan.
19. Saya percaya komuniti veteran adalah aset negara yang boleh diketengah hasil daripada disiplin, pengalaman dan kemahiran semasa dalam perkhidmatan ATM. Jaminan kerjaya amat penting untuk membantu warga veteran, yang tergolong di dalam kelompok B40, untuk beralih masuk ke dalam kumpulan M40.
20. Tidak dinafikan golongan veteran ATM, adalah individu yang telah mempertaruhkan nyawa dan menyerahkan seluruh jiwa raga mereka, demi untuk menjaga keselamatan dan mempertahankan kedaulatan negara. Sehubungan dengan itu, saya ulangi bahawa Kementerian akan terus membela kebajikan warga veteran, sebagai tanda penghargaan atas pengorbanan ikhlas mereka.

21. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan, pahlawan negara faham bahawa segala bentuk bantuan yang dipertimbangkan kepada Veteran ATM adalah bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan. Namun begitu, cabaran itu tidak menghalang Kerajaan untuk sentiasa berusaha untuk melaksanakan dasar dan inisiatif yang sesuai, efektif serta memberi manfaat sejagat kepada warga veteran.
22. Marilah kita bersama-sama memanjatkan doa kepada Allah SWT semoga semua veteran serta ahli keluarga dan warga pertahanan sentiasa dilimpahi keberkatan, dianugerah kesihatan dan keselamatan dalam menjalani kehidupan harian. Tidak dilupakan juga, semoga Allah SWT memberi perlindungan, ketabahan serta kekuatan kepada saudara seislam kita di Palestine daripada kekejaman rejim Israel.
23. Izinkan saya mengakhiri ucapan saya pada malam ini dengan serangkap pantun buat semua pahlawan negara;

Kunang-kunang terbang melayang
Hnggap sebentar di pohon jati
Tidak usah tuan/puan merasa bimbang
Jasa dan pengorbanan dihargai sampai ke mati.

DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN MAJLIS PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN PERSATUAN VETERAN ATM.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.